

Headline	Pemaju harta tanah wajar bergabung		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	23	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	348 cm <sup>2</sup>
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 11,523
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,569



# Pemaju harta tanah wajar bergabung

Jumlah terlalu tinggi dalam industri cetus masalah

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Proses** penggabungan dalam kalangan pemaju wajar dilaksanakan memandangkan jumlahnya yang dilihat terlalu tinggi dalam industri harta tanah tempatan ketika ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise, Anwar Syahrin Abdul Ajib, berkata beliau percaya jika perkara itu tidak dilaksanakan, maka ia boleh menyebabkan pemaju saling memusnahkan diri antara satu sama lain.

"Jika saya meletakkan diri sebagai pemerhati dan bukan CEO syarikat, penggabungan itu sewajarnya berlaku. Kita mempunyai terlalu banyak (pemaju) yang saya rasakan ada

lebih seratus (pemaju).

"Perkara baik mengenainya (banyak pemaju) ialah semua orang bersungguh-sungguh di dalam industri ini dan masyarakat mendapat manfaat daripadanya dengan perbandaran yang cantik, reka bentuk menarik dan sebagainya.

"Semua ini adalah bagus, tetapi dari segi kemapanan (jangka panjang), kerajaan perlu melihatnya dengan teliti. Jangan terlalu mudah untuk mengeluarkan lesen (pemaju). Jika tidak, kami akan saling memusnahkan diri antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sesi lawatan media ke projek pembangunan syarikat itu di Desaru, baru-baru ini.

Mengulas lanjut Anwar Syahrin berkata, proses penggabungan itu bagaimanapun perlu dilaksanakan dengan berhati-hati dan paling penting perlu mempunyai sinergi dalam kalangan syarikat yang terbabit.

Katanya, tidak ada guna penggabungan dibuat semata-mata untuk bergabung dan men-

jadi besar serta memusnahkan nilai yang ada pada syarikat terbabit.

"Anda perlu melihat apa yang syarikat ada, apa yang tidak, apa yang pemaju lain ada namun tiada pada anda. Sebenarnya, banyak penggabungan kadang kala tidak berjaya jika ia terlalu besar.

"Cabaran utama yang berlaku selepas itu termasuk kesesuaian budaya dan jangkaan ia akan berjaya," katanya.

UEM Sunrise adalah antara syarikat yang pernah melalui penggabungan membabitkan UEM Land Holdings Bhd dan Sunrise Bhd.

Anwar Syahrin berkata, penggabungan itu berjaya namun bukan sesuatu yang mudah, kerana mengambil masa bertahun-tahun untuk mengintegrasikan budaya kerja di antara kedua-dua pihak.

"Ketika saya menyertai syarikat ini, penggabungan di antara kedua-duanya baru dua tahun. Saya fikir, setahun atau dua tahun terakhir ini barulah kami dapat melihat integrasi sebenar berlaku di dalam organisasi ini.



Anwar Syahrin Abdul Ajib

"Perkara-perkara biasa seperti bekerja bersama, penyeraaman proses, prosedur standard operasi (SOP) dan membina kepercayaan antara satu sama lain.

"Ia adalah proses yang panjang tetapi pada peringkat strategik, kami perlu jelas yang ia adalah keputusan tepat dan tidak menghadkan keupayaan organisasi untuk berkembang dan menjadi cekap.

"Ketangkasan sesebuah organisasi amat penting, untuk bergerak dengan pantas ke pasaran baharu dan mengaktifkan perniagaan baharu. Lebih-lebih lagi sewaktu tempoh mencabar ini, apa yang penting ialah untuk mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh," katanya.

Pada 2010, UEM Land Holdings, yang mana 66 peratus kepentingannya dimiliki oleh Khazanah Nasional Bhd, mengambil alih Sunrise pada nilai RM1.4 billion.

Pada Jun 2013, UEM Land mengubah namanya kepada UEM Sunrise.